

ANLODIN TABLET

Amlodipine (5mg, 10mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan ANLODIN TABLET
2. Bagaimana ANLODIN TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan ANLODIN TABLET
4. Cara menggunakan ANLODIN TABLET
5. Semasa menggunakan ANLODIN TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan ANLODIN TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan ANLODIN TABLET

ANLODIN TABLET digunakan untuk rawatan tekanan darah tinggi, myocardial ischemia dan angina secara terapi mono ataupun terapi kombinasi dengan ubatan lain yang berkaitan.

Bagaimana ANLODIN TABLET berfungsi

ANLODIN TABLET ialah perencat ion kalsium yang menghalang kemasukan ion kalsium ke dalam sel otot jantung dan salur darah yang akan megakibatkan pegenduran sel otot saluran darah secara langsung.

Sebelum menggunakan ANLODIN TABLET

- Bila tidak boleh menggunakan

Jika anda alah dengan amlodipine besylate.

- Sebelum mula menggunakan ANLODIN TABLET

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubatan lain.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat. Interaksi akan berlaku jika ANLODIN TABLET digunakan bersama dengan ubat yang lain.

Cara menggunakan ANLODIN TABLET

- Berapa banyak harus digunakan

Dos permulaan umum untuk hipertensi dan angina adalah 5mg sekali sehari, boleh ditambahkan kepada dos maksimum 10mg sekali sehari bergantung kepada reaksi pesakit. Pelarasan dos tidak diperlukan dengan pengambilan thiazide diuretics, beta blockers dan angiotensin-converting enzyme inhibitors.

- Bila perlu digunakan

Ia perlu diambil mengikut arahan doktor.

- Berapa lama perlu digunakan

Ia perlu diberikan berdasarkan kepada preskripsi doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa satu dos dan anda mengambil ubat ini secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin. Jika sudah beberapa jam selepas masa makan ubat berlalu ataupun sudah mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor. Jangan mengambil 2 dos pada masa yang sama.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Minta perhatian perubatan dengan segera jika anda atau orang lain telah mengambil dos yang berlebihan.

Semasa menggunakan ANLODIN TABLET

- Perkara yang perlu dilakukan

Ikut preskripsi doktor anda semasa mengambil ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada sesiapa walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Perhatian perlu diberi jika diguna oleh pesakit dengan kemerosotan fungsi ginjal, kemerosotan fungsi hati, kanak-kanak dan orang tua.

Kesan-kesan sampingan

Kesan sampingan umum: sakit kepala, edema, keletihan, loya, kemerah-merahan pada muka dan pening.

Kesan sampingan yang kurang umum: kegatalan, ruam, susah bernafas, lemah, kekejangan otot, masalah penghadaman, dan bengkak tusi gusi.

Kesan sampingan yang jarang dilihat: penyakit kulit disebabkan kealahan atau jangkitan kuman.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan ANLODIN TABLET

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.

- Pelupusan

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Sila bertanya kepada doktor atau ahli farmasi tentang cara pengendalian ubat yang tertinggal.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

5mg: Tablet berbentuk segi lapan yang berwarna putih dengan perkataan "YSP" di sebelah atas dan "5" di sebelah bawah pada satu permukaan.

10mg: Tablet berbentuk segi lapan yang berwarna putih dengan perkataan "YSP" di sebelah atas dan "10" di sebelah bawah pada satu permukaan.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:

Amlodipine Besylate

- Bahan tidak aktif:

Sodium Starch Glycolate

Silicon Dioxide

Cellulose

Magnesium Stearate

Lactose

ANLODIN TABLET

Amlodipine (5mg, 10mg)

- Nombor MAL:

MAL09051562AZ (5mg)

MAL09051556AZ (10mg)

**Pengilang dan Pemegang Pendaftaran
Produk**

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

09/07/2025

Nombor Siri

NPRA(R2/1)230628/1092